

05 OKTOBER 2017

## Penagih dadah dijel 12 tahun, 6 sebatan tikam penguat kuasa

# Penagih dadah dijel 12 tahun, 6 sebatan tikam penguat kuasa

**HULU SELANGOR 4 Okt.** - Seorang penagih dadah dihukum penjara 12 tahun dan sebatan enam kali oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini kerana menikam penguat kuasa Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) semasa operasi Op Perdana hujung bulan lalu.

Hakim Zulhelmy Hassan menjatuhkan hukuman itu selepas Suhaimi Aderus, 44, mengaku bersalah atas pertuduhan dengan sengaja menyebabkan cedera parah terhadap Baharudin Abdullah, 32, dengan menggunakan sebilah pisau lipat sehingga menyebabkan kecederaan di dada kiri mangsa.

Kesalahan tersebut dilakukan di Jalan Tar, di sebelah rumah No. 70, Kampung Kuantan, Sungai Masin, Batang Kali di sini kira-kira pukul 11.30 malam, 25 September lalu.

Mahkamah memerintahkan tertuduh menjalani hukuman tersebut bermula dari tarikh tangkap pada 26 September lalu.

Terdahulu, Zulhelmy memberitahu, beliau mengambil kira faktor kepentingan awam dan sebagai pengajaran kepada orang awam sebelum menjatuhkan hukuman tersebut.

"Tindakan tertuduh telah me-



**BAHARUDIN ABDULLAH** menunjukkan parut jahitan kecederaan yang dialaminya ketika membuat tangkapan operasi dadah di Mahkamah Sesyen, Hulu Selangor, semalam. - UTUSAN/DJOHAN SHAHRIN SHAH

nyebabkan mangsa cedera parah dan mengalami trauma," kata Zulhelmy.

Suhaimi didakwa mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda atau sebatan.

Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Amin Azmi yang mengendalikannya pendakwaan sebelum itu memohon mahkamah menjatuhkan hukuman setimpal berbentuk pengajaran terhadap tertuduh.

Suhaimi yang tidak diwakili

peguam bagaimanapun merayu hukuman ringan dengan alasan dia telah insaf dan tidak akan mengulangi kesalahan itu.

Mengikut fakta kes, pada hari kejadian sepasukan anggota AADK telah mengadakan operasi Op Perdana di Kampung Kuantan, Sungai Masin dan semasa proses tangkapan, berlaku pergelutan antara mangsa dengan tertuduh secara tiba-tiba bertindak agresif lalu menikam dada sebelah kiri mangsa.